

## Pengurusan tata kelola manusia, korporat penentu kredibiliti institusi

- Tata kelola manusia merujuk kepada cara mengukuhkan nilai moral individu, manakala tata kelola korporat melihat sejauh mana tata kelola itu dibangun, dilaksana, dikuat kuasa dan dinilai
- Tata kelola baik boleh diukur dengan penggunaan sistem pengurusan sesuai seperti Sistem Pengurusan Antirasuah, Pelan Antirasuah Organisasi dan Pengurusan Risiko Rasuah



Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM)

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi  
bhrencana@bh.com.my

Tidak dinafikan isu berkaitan kemampuan alam sekitar, sosial dan tata kelola (ESG) adalah antara topik perbincangan paling hangat dalam dunia perniagaan global hari ini pasca COVID-19.

Menurut laporan Tinjauan Pertengahan Tahun ESG 2021 Bloomberg Intelligence (BI), aset ESG kini berada di landasan melebihi AS\$50 trilion (RM220.5 trilion) menjelang 2025, meningkat daripada AS\$35 trilion (RM154.3 trilion) pada 2020.

Secara ringkas, ESG adalah dokumentasi komitmen sebuah syarikat

mengenai bagaimana ia beroperasi dan membuat keputusan berkaitan moral serta etika.

ESG juga melihat bagaimana pelbagai pemegang taruh yang berkaitan dengan syarikat terbabit dilayan termasuk pelabur, warga kerja dan rantaian pembekal seperti vendor serta kontraktor. Tidak lupa juga komuniti sekeliling tempat perniagaan itu beroperasi.

Persoalan yang sering diperdebatkan dalam kalangan penggiat industri adalah sejauh mana kita dapat menentukan dan menilai tata kelola dalam ESG? Bagaimanakah usaha antirasuah diserapkan dalam rangka kerja ESG? Bolehkah sebuah syarikat atau pelaburan dianggap 'mampan' jika integriti korporat diabaikan?

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhamad Umar Swift, syarikat senarai awam perlu menangani kebimbangan kritikal berkaitan ESG memberi kesan kepada operasi perniagaan mereka serta kemakmuran jangka masa panjang.

Tambah beliau, kegagalan untuk memenuhi pematuhan ESG boleh mengakibatkan kerosakan reputasi dan kepercayaan yang boleh menjejaskan kredibiliti sebuah syarikat.

Malah, penekanan terhadap agenda ESG akan lebih bermakna jika kepemimpinan sebuah syarikat atau organisasi komersial mempertimbangkan tata kelola ESG mampan dan integriti korporat sebagai asas penting.

Ini bermakna, amalan perniagaan sebuah syarikat mestilah beretika, telus dan bertanggungjawab. Pelabur dan pemegang taruh perlu tahu keuntungan jangka panjang atau kelestarian perniagaan hanya dapat tercapai jika sebuah organisasi komersial memberi penekanan kepada aspek ESG. Pelabur akan menjauhkan diri jika sebuah organisasi komersial mempunyai risiko tinggi dalam ESG.

Sesungguhnya, tata kelola manusia dan tata kelola korporat mesti seiring. Tata kelola manusia merujuk cara kita mengukuhkan nilai moral dalam diri individu, merangkumi prinsip moral seperti rajin, jujur dan amanah.

Tata kelola korporat pula melihat sejauh mana tata kelola itu dibangun, dilaksana, dikuat kuasa dan dinilai. Tata kelola baik boleh diukur dengan penggunaan sistem pengurusan sesuai seperti Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).

Secara asasnya, tata kelola dan sistem pengurusan saling bergantung. Tata kelola baik bergantung kepada kualiti individu unggul. Jika sistem pengurusan baik, tetapi kakitangannya tidak mengamalkan prinsip integriti, maka akan timbul isu salah laku dan sebagainya.

### Godaan untuk melakukan kesalahan

Begitu juga jika tiada sistem pengurusan dan hanya bergantung kepada integriti individu, lama-kelamaan, ia mengundang salah laku dan pelanggaran integriti. Dalam hal ini, akan ada godaan untuk melakukan kesalahan jika tiada kawalan dalaman dan tata kelola kukuh.

Justeru, tata kelola korporat berpaksikan integriti adalah asas dalam memastikan keghairahan terhadap ESG dapat diterjemahkan kepada tindakan konkrit dan masa depan mampan.

Berkaitan itu, lembaga pengarah dan pengurusan sebuah syarikat harus mematuhi piawaian ESG dalam proses membuat keputusan dengan memastikan undang-undang, peraturan dan dasar berkaitan antirasuah, integriti dan tata kelola diberi ketutamaan serta dipatuhi.

Sebagai contoh, adalah penting bagi sebuah syarikat mematuhi Seksyen 213 Akta Syarikat 2016, dan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 19 September 2022, peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) kini diperkukuhkan berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi aspek pendidikan, advokasi dan latihan; penyelidikan dan penerbitan serta kerjasama strategik.

IIM juga diberi peranan melaksanakan model perniagaan secara hibrid untuk membantu bukan sektor awam dan organisasi komersial meningkatkan integriti serta tata kelola melalui produk perkhidmatan disediakan.

Antara produk IIM paling sesuai dalam membantu syarikat mematuhi piawaian berkaitan tata kelola dalam ESG adalah runding cara bagi pembangunan ABMS, OACP, Latihan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi serta latihan berkaitan Etika & Integriti (E&I).

Justeru, penggiat industri disaran menambah baik strategi pelaksanaan ESG khususnya dalam konteks tata kelola melalui Pensijilan ISO 37001:2016 supaya dapat mewujudkan rangka kerja proses perniagaan mampan seterusnya meningkatkan integriti dan tata kelola di sesebuah organisasi.

IIM turut merangka pelbagai inisiatif dalam menyebarkan luas agenda ESG antaranya menerusi kerjasama strategik bersama AEON Co (M) Berhad untuk membangunkan serta menerapkan elemen integriti dalam Agenda Kelestarian AEON.

IIM juga menjalinkan kerjasama strategik dengan Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berkaitan pembabitannya dalam penganturan Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2023 (AIGA 2023), pembangunan dan pelaksanaan modul kesedaran integriti serta tata kelola serta pelaksanaan Kursus Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Terbaru IIM dengan kerjasama Persatuan Pengamal Sistem Pengurusan Antirasuah Malaysia (ABMS-MY) menganjurkan Forum Sistem Pengurusan Integriti bertemakan 'Kelestarian Organisasi Melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS): Dahulu, Kini dan Seterusnya' pada 14 Februari ini.

Apa yang jelas, agenda ESG dapat dipertingkatkan sekiranya semua pihak terutama sektor awam dan swasta memberi perhatian serta bertindak sewajarnya terhadap pengamalan ESG.

Komitmen berterusan dan kerjasama strategik dibangunkan IIM diharap berupaya memacu agenda ESG, seterusnya melahirkan warga kerja bertanggungjawab dalam merealisasikan tahap integriti dan tata kelola terbaik di Malaysia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Tata kelola baik bergantung kepada kualiti individu unggul. Jika sistem pengurusan baik, tetapi kakitangannya tidak mengamalkan prinsip integriti, akan timbul isu salah laku”